

Mengubah sikap setiap individu Melayu

Oleh Kamal Ahmad

BH 13 MAY 2000

UCAPAN dasar Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Perhimpunan Agung Umno, kelmarin banyak memberi kesedaran bahawa jentera Umno perlu digerakkan semula untuk membetulkan pelbagai kepinangan. Atas dasar ini, Dr Mahathir terpaksa membuat kritikan terhadap sikap pemimpin Umno dan orang Melayu sendiri walaupun tindakannya itu boleh menyebabkan beliau dikecam.

“Saya sedar bahawa apa yang dedahkan di sini tidak akan menyenangkan ramai orang Melayu. Saya tidak akan menjadi popular. Parti lawan akan menggunakan pendedahan ini untuk memburukkan lagi imej saya dan parti yang saya pimpin. Tetapi saya tidak menjadi pemimpin untuk mencari populariti. Apakah gunanya menjadi Perdana Menteri jika hasil kepemimpinan saya ialah bangsa saya lemah, tidak bertanggungjawab, tidak bersemangat, tidak sanggup bekerja dan menghadapi cabaran hidup dan menjadikan agama sebagai hiasan yang dipakai dan bukan sebagai panduan untuk mendapatkan kebahagiaan di dunia dan di akhirat.”

Ungkapannya itu jelas menunjukkan bahawa perjuangan Umno bukan saja masih belum selesai, malah perlu diperhebatkan. Banyak lagi usaha perlu dilakukan bagi memastikan orang Melayu terus menjadi bangsa yang dihormati.

Dr Mahathir mahu memastikan Melayu sempurna dan berupaya untuk menghadapi apa juga cabaran dalaman dari sekecil-kecilnya hinggalah kepada masalah besar termasuk ancaman globalisasi. Ia memerlukan perubahan

Apa juga bentuk cabaran yang sedang dihadapi Umno harus ditangani dengan bersungguh-sungguh, terancang dan bijaksana. Jika bukan calang-calang pemimpin yang menerajui negara hari ini, sudah lama rakyat dan negara ini dijajah semula

sikap setiap individu Melayu – daripada masyarakat peniaga yang lemah dalam pengurusan pemiagaan hinggalah kepada generasi cerdik ciptaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang gemar membazir, lupa daratan dan mereka yang diibaratkan seperti kacang lupakan kulit.

Justeru, persoalan perubahan sikap dan budaya generasi DEB perlu dilihat menerusi perspektif yang jelas. Sepatutnya generasi DEB berterima kasih kepada Umno, tetapi apakah balasan yang mereka berikan hari ini setimpal dengan jasa yang dicurahkan oleh Umno kepada mereka. Umno juga menghadapi ancaman daripada parti pembangkang yang mengeksploitasi Islam. Semuanya memerlukan serangan balas yang berkesan. Tugas ini tidak seharusnya dipikul oleh Dr Mahathir bersendirian. Tanggungjawab menanganinya terletak di setiap bahu ahli Umno dan rakyat keseluruhannya.

Jaminan Dr Mahathir ialah beliau sanggup menggalas beban dan kesan daripada apa yang beliau dedahkan dalam ucapannya, termasuk mengenai politik wang.

“Saya tahu apa yang diperkatakan akan menimbulkan kemarahan perwakilan dan calon-calon kepada saya. Tetapi adalah

lebih baik saya dimarahi daripada rakyat membenci Umno dan menolaknya. Rasuah dan ketamakan mesti didedahkan dan diperangi. Rasuah dan tamak haloba boleh menghancurkan bangsa kita.” katanya.

Memang benar, ada perwakilan yang mengkritik beliau ketika membahaskan ucapan dasar Presiden. Sememangnya Dr Mahathir mengalu-alukan kritikan agar beliau dapat memahami perasaan perwakilan yang mewakili orang Melayu dan rakyat. Bagi sesetengah pemerhati, mereka berpendapat Dr Mahathir membangkitkan perkara yang boleh menimbulkan reaksi spontan perwakilan bagi membolehkannya mendengar hujah yang jujur dan berterus terang. Tanpa membuat provokasi sebagaimana dalam ucapannya itu, agak sukar baginya mendapatkan reaksi yang diharapkan.

Politik wang yang berleluasa sememangnya mencemaskan Dr Mahathir. Baginya, ia adalah alamat buruk di ambang pintu Umno. Oleh itu, ahli Umno wajar mengambil iktibar daripada kejatuhan beberapa kerajaan agung termasuk Empayar Ottomaniah dan Rom disebabkan rakyatnya lalai manakala pemimpinnya berebut kemewahan dan ber-

cakaran sesama sendiri.

Orang Melayu perlu mempertahankan bangsa, negara dan agama. Ekonomi rakyat perlu diperkasakan. Hanya dengan cara inilah negara mampu menghadapi kerakusan pendokong globalisasi yang bermatlamat untuk memonopoli negara membangun serta negara miskin, tidak mengecualikan Malaysia sebagai sarannya. Globalisasi adalah senjata untuk menjajah oleh kuasa imperialisme.

Apa juga bentuk cabaran yang sedang dihadapi Umno hams ditangani dengan bersungguh-sungguh, terancang dan bijaksana. Jika bukan calang-calang pemimpin yang menerajui negara hari ini, sudah lama rakyat dan negara ini dijajah semula.

Sehingga semalam, perdebatan mengenai ucapan dasar presiden, agak hebat terutamanya melihat kesan perubahan sikap rakyat negara ini yang condong kepada politik pembangkang. Ada yang mencadangkan supaya Umno melihat kedudukan guru sebagai satu tenaga strategik yang tidak seharusnya diperalatkan oleh parti pembangkang.

Menurut mereka dalam tempoh tiga tahun kebelakangan ini, ada guru di beberapa institusi pendidikan dilihat menjadi penceramah

politik di kelas dan memulas minda serta sikap pelajar menjadi golongan ekstremis politik. Kumpulan sasar yang sudah menjadi mangsa ideologi Pas iaitu guru dan pelajar. Oleh itu, dalam proses pemuliham, golongan ini perlu diberi keutamaan.

Isu lain yang dibangkitkan oleh perwakilan ialah soal struktur kerja dan pengurusan Umno. Ada wakil mahu corak kerja parti diubah termasuk peranan anggota Majlis Tertinggi (MT) lebih jelas dan bukan membawa fail keluar masuk bilik mesyuarat dua kali sebulan. Struktur lain yang juga berpengaruh ialah Badan Perhubungan Umno Negeri serta Umno bahagian dan kedua-duanya harus lebih berfungsi.

Malah ada wakil lantang mencadangkan Umno menggariskan satu dasar bagi memastikan parti menguasai kerajaan dan bukan kerajaan menguasai parti. Penyusunan semula struktur dan jentera parti adalah tindakan segera yang boleh dibuat untuk memastikan Umno mendapat sokongan dan mandat rakyat dalam pilihan raya umum ke-11 kelak. Tindakan itu akan memberi kesan yang lebih pantas berbanding melakukan pembetulan terhadap minda dan sikap orang Melayu yang terseleweng.

Memang benarlah, yang menentukan Umno adalah Umno sendiri. Kita semua menikmati kemakmuran daripada kemerdekaan negara yang diwarisi daripada pejuang Umno yang terdahulu. Warisan ini sangat disyukuri. Tetapi apakah Umno hari ini akan wariskan kepada anak cucu bangsa pada masa akan datang jika bangsa dan negara lemah, tidak mempunyai jati diri, mundur, dihi-

Apakah Umno hari ini akan wariskan kepada anak cucu bangsa pada masa akan datang jika bangsa clan negara lemah, tidak mempunyai jati diri, mundur, dihina dan diperhambakan orang lain?

na dan diperhambakan orang lain?

Dr Mahathir memperkatakan soal sikap, disiplin, nilai-nilai murni, jati diri, kesan perpaduan dan perpecahan, ancaman musuh asing, agenda media Barat, kesan cetek ilmu dan jahil teknologi, kepentingan memperkasa rakyat dan ekonomi, rasuah, sejarah kebangkitan dan kejatuhan empayar Islam serta politik wang atau kesan eksploitasi agama, sejak hampir 20 tahun lalu. Tetapi sejauh mana rakyat, ahli Umno dan pemimpin faham serta akur nasihatnya? Jika ada istilah ketegar untuk membayangkan sikap degil dan liat untuk mengubah si-

kap atau menerima sesuatu, apakah istilah sesuai untuk keadaan yang sama dalam politik?

Atau apakah ini sudah menjadi resam masyarakat Malaysia yang "tidak pernah mahu faham" sehingga apa jua kempen dijalankan, kesannya sangat minimum.

Perhimpunan Agung Umno kali ini membuka mata dan minda rakyat, begitu juga perwakilan. Jika apa jdga yang tersirat, mereka boleh meluapkannya tanpa perlu berasa gusar kerana Dr Mahathir sebenarnya sudah membuka jalan kepada mereka supaya berani untuk memperkatakan sesuatu yang benar.